



GADIS S2

# Nurzahirah mahu jadi pengacara terkenal

PENGALAMAN sebagai pengacara dalam sebuah majlis kebudayaan ketika menuntut di Kolej Matrikulasi Perak membuatkan Nurzahirah Md. Zamri jatuh cinta dengan bidang pengacaraan.

Ketika itu, Nurzahirah baru berusia 18 tahun dan dia tidak menyangka akan 'terjebak' dalam bidang yang penuh glamor itu.

Sejak daripada itu, minat Nurzahirah terhadap bidang pengacaraan tidak pernah padam. Minat itu sebaliknya terus membara untuk bergelar seorang pengacara terkenal pada suatu hari nanti.

Ini terbukti apabila gadis manis yang berasal dari Pulau Pinang itu tidak pernah menolak sebarang jempunan untuk menjadi pengacara sepanjang menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Sepanjang berada di kampus universiti, saya tidak akan melepaskan peluang

untuk menjadi pengacara majlis yang biasanya melibatkan festival dan aktiviti kebudayaan.

"Biarpun sibuk dengan kuliah dan tugas sebagai seorang pelajar ketika itu, perkara itu tidak menjadi penghalang kepada saya untuk terus aktif dalam bidang ini," katanya kepada S2.

Menurut gadis berusia 24 tahun itu, dia pernah mencuba nasib menyertai program realiti *On Air* terbitan Astro bagi mengasah bakat sebagai seorang pengacara.

Biarpun tidak terpilih untuk ke peringkat akhir dan hanya memasuki peringkat 20 peserta wanita sahaja, Nurzahirah menyifatkan penyertaan itu memberikannya pengalaman penuh bermakna.

## INFO

**NURZAHIRAH MD. ZAMRI**

**Umur:** 24 tahun

**Tarikh Lahir:** 6 Jun 1989

**Asal:** Pulau Pinang

**Pekerjaan:**  
Penyelaras Pemasaran

**Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Hobi:** Menonton teater, mendengar lagu dan membaca

**Makanan dan minuman kegemaran:**  
Sup tulang, coklat dan susu

**Adik-beradik:** Anak bongsu daripada empat beradik

"Biarpun gagal ke peringkat akhir, saya dapat merasai pengalaman sebenar sebagai seorang pengacara dan ternyata ia bukanlah mudah seperti disangka kerana saingan para peserta lain ketika itu cukup sengit.

"Masing-masing datang daripada latar belakang yang berbeza dan mempunyai kekuatan sendiri," katanya yang merasakan dirinya cukup bertuah kerana dapat bertemu dengan pengacara terkenal seperti Datuk Aznil Nawawi dan Suhaimi Sulaiman dalam

program tersebut.

Pada masa yang sama, anak bongsu daripada empat beradik itu mengakui banyak perkara yang perlu dipelajarinya kerana pendedahan di universiti begitu

berbeza dengan dunia pengacaraan sebenar.

Ujar Nurzahirah yang kini bekerja sebagai seorang penyelaras pemasaran di sebuah syarikat produksi swasta, dia tidak akan pernah berhenti mencuba untuk menjadi seorang pengacara.

"Biarpun sudah bekerja, saya tidak pernah berhenti untuk menghadiri program uji bakat sekiranya mempunyai peluang untuk berbuat demikian.

"Saya pernah menyertai pelbagai uji bakat pencarian pengacara dan DJ seperti pencarian Host Pantene, pembaca berita Media Prima, dan jurulatih Hot FM," katanya.

Menurut Nurzahirah, dia ketika ini aktif menjadi pengacara sambilan terutama pada cuti hujung minggu.

"Saya lakukan ini kerana tidak mahu bakat yang dimiliki dibiarkan begitu sahaja," ujar gadis yang pernah menjadi pengacaraan majlis *An Evening with Tun Mahathir*.

Memiliki hobi gemar membaca, Nurzahirah berharap suatu nanti, dia dapat mengikut jejak langkah idolanya pengacara TV3, Nurul Syuhada Nurul Ain dalam bidang tersebut.